

12 Jun 2023

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

**Pemberitahuan Awam: MSPO Penilaian Semula Persijilan Untuk United Plantations Berhad - Kilang Kelapa Sawit United International Enterprise (UIE), Pantai Remis, Perak, Malaysia**

United Plantations Berhad telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian semula persijilan MSPO untuk Kilang Kelapa Sawit United International Enterprise (UIE) dan ladangnya. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit		
<b>Nama Kilang</b>	Kilang Kelapa Sawit United International Enterprise (UIE)	
<b>Kapasiti Kilang (ton/jam)</b>	60 MT/jam	
<b>Alamat/Lokasi</b>	KM 9 Jalan Bruas - Ayer Tawar, Pantai Remis, 34900 Perak, Malaysia	
<b>Rujukan GPS</b>	<b>Latitude/Garis lintang</b>	004° 26' 52.12" N
	<b>Longitude/Garis bujur</b>	100° 43' 14.48" E

Ladang Sawit					
Ladang	Alamat/Lokasi	Rujukan GPS		Kawasan ditanam (Ha)	Jum. Kaw. Yg akan diperakui (Ha)
		Latitude/Garis lintang	Longitude/Garis bujur		
Ladang United International Enterprise (UIE) MPOB Lesen No.: 502076202000	KM 9 Jalan Bruas - Ayer Tawar, Pantai Remis, 34900 Perak, Malaysia	004° 26' 52.12" N	100° 43' 14.48" E	8,949.56	10,365.20
<b>Jumlah Luas Ladang</b>				<b>8,949.56</b>	<b>10,365.20</b>

BSI Services Malaysia Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian semula pensijilan bagi Unit Pengurusan Kilang Kelapa Sawit United International Enterprise (UIE) dan ladangnya pada 24 - 27 Julai 2023. Penilaian semula pensijilan ini akan diadakan mengikut standard MS 2530-4:2013 Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Part 4: General Principles for Palm Oil Mills dan MS 2530-3:2013 Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Part 3: General Principles for Oil Palm Plantations and Organized Smallholders.

Rujukan bagi standard boleh didapati secara atas talian di <https://www.mpocc.org.my/oil-palm-management-standard>. Penilaian akan merangkumi isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI Services Malaysia Sdn Bhd diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan MSPO pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara Inggeris. BSI adalah jenama yang dipercayai di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecemerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Piawai Nasional UK.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan penilaian semula pensijilan ini terdiri daripada:

Nama	Peranan/ Aspek Pengliputan	Kelayakan dan Pengalaman
Mohd Isa bin Hasim	Ketua Juruaudit Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, pematuhan undang-undang, aspek lingkungan hidup, HCV, penambahbaikan yang berterusan, keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pelan ekonomi jangka panjang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Diploma Kejuruteraan Mekanikal UiTM dan Diploma Palm Oil Milling Technology &amp; Management MPOB.</li> <li>- Mempunyai pengalaman bekerja selama lebih 8 tahun dalam industri perladangan dan 2 tahun dalam pengendalian loji petrokimia yang berkaitan dengan isu keperluan keselamatan, alam sekitar, MSPO, RSPO dan ISCC.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit MSPO, MSPO SCCS, ISO 9001, IMS, RSPO P&amp;C dan RSPO SCCS.</li> </ul>
Muhammad Fadzli bin Masran	Ahli Pasukan Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, pematuhan undang-undang, aspek lingkungan hidup, HCV, penambahbaikan yang berterusan, aspek sosial dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak dan polisi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Perhutanan, Universiti Putra Malaysia.</li> <li>- Mempunyai pengalaman pelaksanaan kelestarian selama lebih 10 tahun, termasuk kebajikan pekerja, keselamatan dan kesihatan pekerja, pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar di kawasan penampakan dan pelan pengurusan penambahbaikan berterusan.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit (IMS) ISO 9001, ISO 14001 &amp; ISO 45001, RSPO P&amp;C, RSPO SCCS, MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA.</li> </ul>

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam Sekitar & Aspek Sosial
- Pelindungan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Biodiversity
- Peluang Pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- Free, Prior and Informed Consent
- Hak kemunisiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengarah,

Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Pendapat dan pandangan anda juga boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
Alamat: .....  
Emel: .....  
Nombor Telefon: .....  
Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengarah****Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan**

En. Azrul Wan Azizan  
BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
Level 29, The Gardens North Tower  
Mid Valley City Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603 9212 9638 samb. 1039  
Faks : +603 9212 9639  
Emel : [Azrul.WanAzizan@bsigroup.com](mailto:Azrul.WanAzizan@bsigroup.com)

**DAN /  
ATAU****Auditee:**

En. Lee Kian Wei  
United Plantations Berhad  
Jendarata Estate  
36009 Teluk Intan  
Perak, Malaysia  
Tel : +605 6411 411  
Faks : +605 6411 876  
Emel : [lkw@unitedplantations.com](mailto:lkw@unitedplantations.com)

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....  
Azrul Wan Azizan  
Pengarah  
Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan